



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Gelanggang Tuk Wali (Ismail Kassan)

Sinopsis

Babak 1

Ripin telah pergi ke rumah Tuk Wali, untuk memaklum jemputan bersilat di majlis perkahwinan rumah Haji Kodri. Kedatangannya disambut oleh Mak Umi. Tuk Wali mahu memenuhi jemputan tersebut walaupun demam,. Tuk Wali juga berbual dengan Ripin tentang kerakusan manusia yang menyebabkan kepupusan spesies pokok-pokok herba di hutan sebagaimana yang dilakukan oleh Si Guan. Tuk Wali kesal oleh sebab harga akar-akar kayu semakin rendah Tuk Wali meminta Ripin memastikan murid-murid silat berkumpul kerana wartawan akan datang pada malam itu.

Babak 2

Tuk Wali bersiap-siap untuk pergi ke rumah Haji Kodri dengan berpakaian baju Melayu yang lengkap dengan sampung dan bersongkok. Tidak lama kemudian, Imam dan Siak berkunjung ke rumah Tuk Wali. Kedatangan mereka disambut oleh Mak Umi. Siak menyatakan perasaan tidak senang kerana, dia masih bersilat di gelanggang. Baginya Tok Wali sepatutnya menghabiskan masa di masjid. Mak Umi mempertahankan suaminya kerana selama ini suaminya tidak pernah tinggal solat berjemaah di masjid malah mengerjakan solat sunat setiap malam. Bagi Mak Umi, Tuk Wali hanya memenuhi hajat orang untuk memeriahkan majlis, tidak melanggar adat dan agama. Mak Umi meminta Imam dan Siak bercakap dengan Tuk Wali sendiri tentang hal itu. Dia juga akan memaklumkan nasihat Siak dan Imam kepada Tok Wali.

Babak 3

Tuk Wali meluahkan rasa tidak senangnya terhadap Piee cucu tirinya, Piee yang telah memalukan dirinya di rumah Haji Kodri. Mak Umi mahu Tuk Wali mengubatkan Piee yang menagih dadah. Tuk Wali menyuruh Mak Umi menghalau Piee jika datang ke rumah itu lagi. Tuk Wali terlalu marah kepada Piee kerana dia telah mencuri wang tambang Tuk Wali ke Mekah yang berjumlah RM2000.00. Mak Umi memaklumkan nasihat Imam dan Siak kepada Tok Wali. Tuk Wali mengatakan bahawa dia boleh duduk berzikir di masjid tetapi dia juga perlu mengubatkan orang yang patah kaki, terseliuh, dan histeria. Tuk Wali mengimbas dirinya ketika



NOTA RUJUKAN KOMSAS

muda dahulu sering dipuji, dan dianggap hebat. Apabila dia sudah tua segala yang dilakukannya dipandang tidak elok. Mak Umi mencadangkan anak-anak muridnya seperti Ripin menggantikan tempatnya untuk bersilat di majlis kahwin. Tuk Wali mengatakan bahawa silat sudah sebatian dengan dirinya. Tok Wali dikunjungi oleh Ripin dan Mariam. Tuk Wali menyarankan Ripin dan Mariam mengambil tempatnya untuk mengajar silat tetapi mereka berdua tidak bersedia. Mereka merayu agar Tuk Wali terus mengajarkan silat. Tuk Wali mengambil sebilah keris dan menceritakan asal usul keris tersebut. Tok Wali merasakan Ripinlah yang layak untuk menjadi pewaris keris itu. Dua orang wartawan dari majalah Pejuang, iaitu Halim dan Jamil datang ke rumah Tuk Wali untuk menemu ramahinya. Phee cucu tiri Tuk Wali yang baru keluar dari pusat pemulihan muncul. Setelah kedua-dua wartawan itu pulang, Tuk Wali menampar dan memarahi Phee kerana masuk ke dalam biliknya. Empat orang pemuda telah datang ke rumah Tuk Wali. Menyangka Tuk Wali tiada di rumah mereka bermain gitar, menyanyi sambil menari-nari. Tuk Wali memarahi mereka. Salah seorang pemuda telah ditampar oleh Tuk Wali kerana bersikap biadap.

Babak 4

Siak datang ke rumah Tuk Wali dan mencabar Tuk Wali agar bersilat dengannya. Siak berasa marah kerana Tuk Wali telah menampar cucunya yang mahu belajar silat. Mereka bertarung menggunakan sundang. Mak Umi mencari Ripin untuk meleraikan pergaduhan tersebut. Ripin berjaya mengunci pergerakan Siak. Ripin mencadangkan Tuk Wali dan Siak menyelesaikan masalah dengan cara berunding. Mak Umi menyuruh Ripin menghantarnya ke rumah Berahim kerana dia tidak mahu melihat pergaduhan antara Tuk Wali dengan Siak. Siak akhirnya meninggalkan rumah. Tuk Wali yang kepenatan dan akhirnya terlenu dibuai mimpi indah.

Babak 5

Phee masuk ke rumah Tuk Wali dan mengambil biola serta sebilah keris yang tersisip di dinding beranda itu. Tuk Wali menyedari perkara itu dan marahi Phee. Kemudian berlaku pergaduhan dan pertikaman antara Tuk Wali dengan Phee. Semasa Tuk Wali ingin mengambil biola yang dijatuhkan oleh Phee, Tuk Wali ditikam oleh Phee. Tikaman itu terkena di perut Tuk Wali. Tuk Wali dapat mengambil keris daripada tangan Phee. Tuk Wali semakin lemah apabila



NOTA RUJUKAN KOMSAS

banyak darah keluar daripada lukanya. Ripin terkejut apabila melihat Tuk Wali yang terbaring berlumuran darah. Ripin mahu menghantar Tuk Wali ke hospital tetapi Tuk Wali enggan. Tuk Wali sempat menyerahkan keris tersebut kepada Ripin sebelum meninggal. Ripin ingin menuntut bela atas kematian Tuk Wali. Dia menyangka Siak yang membunuh Tuk Wali. Siak dan Imam muncul dan melihat Ripin memegang keris dalam keadaan Tuk Wali telah terbujur kaku. Imam menyangka bahawa Ripin telah membunuh Tuk Wali. Berlaku tuduh menuduh antara Siak dan Ripin. Mariam dan Mak Umi sampai lalu menerpa ke arah mayat Tuk Wali. Mak Umi dan Mariam ingin tahu orang yang membunuh Tuk Wali. Siak dan Ripin saling menuduh sekali lagi. Mak Umi menafikan Ripin membunuh Tuk Wali.

Pemikiran Drama:

Pemikiran drama Tok Wali ialah perjuangan mempertahankan warisan budaya bangsa. Tok Wali mengajarkan ilmu persilatan sejak 50 tahun lalu kepada pemuda-pemudi kampung. Dia juga mematuhi pantang larang mencari pokok-pokok kayu herba di hutan demi memelihara warisan hutan tersebut pada masa akan datang.

Persoalan:

1. Persoalan sikap hormat –menghormati dalam kalangan masyarakat terhadap orang yang berilmu

Ripin amat menyanjung tinggi Tok Wali yang telah mengajarnya ilmu silat.

2. Persoalan budaya warisan bangsa yang diremehkan.

Ada sesetengah penduduk kampung yang mencemuh Tok Wali kerana bersilat dalam majlis perkahwinan.

3. Persoalan masalah penagihan dadah yang sukar dirawat.

Piee yang baru keluar dari pusat pemulihan kembali menagih kerana tidak dipantau oleh ibu bapanya.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

4. Persoalan perasaan dengki dan khianat.

Ada pihak yang dengki kepada Tok Wali lalu menghalau Piee dari majlis perkahwinan di rumah Haji Kodri.

5. Persoalan dendam yang berpanjangan.

Siak masih menyimpan perasaan dendam kepada Tok Wali kerana Tok Wali berkahwin dengan bekas tunangnya

6. Persoalan keprihatin dan dalam kalangan masyarakat.

Tok Wali merawat orang sakit, menguruskan jenazah dan perkara-perkara lain tanpa meminta sebarang upah.

Plot:

Jenis Plot :

Bersifat kronologi – peristiwa berkembang mengikut urutan waktu babak demi babak. Walau bagaimanapun terdapat unsur imbas kembali, contohnya sejarah keris yang diwarisi oleh Tok Wali.

Pembinaan Plot:

Terdapat empat peringkat binaan plot iaitu

(i) Permulaan

Pembaca diperkenalkan dengan watak utama iaitu Tok Wali dan watak-watak sampingan iaitu Mak Umi dan Ripin. Tok Wali diundang membuat pertunjukan silat di majlis perkahwinan di rumah Haji Kodri.

(ii) Perkembangan

Tok Siak berkunjung ke rumah Tok Wali dan berjumpa dengan Mak Umi. Mereka berhasrat menasihati Tok Wali agar berhenti bersilat kerana usia Tok Wali telah lanjut dan tidak manis dipandang jika masih lagi bersilat di gelanggang. Tok Wali kesal kerana perannya tidak lagi dihargai oleh orang-orang kampung. Berlaku pertarungan antara Siak dan Tok Wali kerana Tok Wali telah menampar anak saudara Tok Wali.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

(iii) Klimaks

Tok Wali telah ditikam oleh Piee semasa Piee mencuri keris dan biola milik Tok Wali. Tok Wali mati setelah sempat menyerahkan keris kepada Ripin.

(iv) Peleraian

Berlaku tuduh-menuduh antara Ripin dan Siak tentang pembunuh yang telah menikam Tok Wali.

Teknik Penceritaan:

1. Teknik pemerian

Pengarang menggambarkan ruang hadapan rumah Tok Wali yang dipamer dengan pelbagai jenis senjata lama.

2. Teknik dialog

Sebahagian besar drama disampaikan dalam bentuk dialog antara watak.

3. Teknik imbas kembali

Tok Wali menceritakan peristiwa dia menewaskan 4 orang perompak kedai emas. Secara kebetulan dia sedang duduk di bangku kedai emas tersebut.

4. Teknik suspens.

Pembaca tertanya-tanya pihak yang akan menang dalam pertarungan antara Siak dan Tok Wali.

Watak dan Perwatakan

1. Tok Wali

1. Watak utama
2. Nama sebenarnya ialah Wak Raja Waliudin bin Raja Agus.
3. Dia berumur dalam lingkungan 70-an.
4. Dia merupakan guru silat yang membuka gelanggangnya sendiri di halaman rumah.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

5. Dia merupakan tukang urut, penggali kubur, tok mudim, dan boleh merawat beberapa jenis penyakit.
6. **Dia seorang yang tegas dengan pendirian**
Tok Wali tetap mahu bersilat di majlis perkahwinan anak Haji Kodri walaupun dinasihati oleh isterinya, Siak dan Imam.
7. **Dia seorang yang berani.**
Tok Wali berani bertarung dengan Siak apabila Siak datang menyerangnya.
8. **Dia seorang yang pantas bertindak**
Tok Wali pantas dan cekap menewaskan perompak yang cuba merompak kedai emas.
9. **Dia seorang yang taat akan perintah agama.**
Tok Wali tidak pernah meninggalkan solat berjemaah di masjid dan rajin menunaikan solat sunat.
10. **Dia seorang yang suka membantu orang lain**
Tok Wali melakukan kerja-kerja kemasyarakatan seperti memandikan jenazah tanpa meminta upah.

2. Ripin

1. Anak murid Tok Wali
2. Berusia dalam lingkungan 30-an
3. Anak murid yang dipercayai oleh Tok Wali untuk mewarisi kerisnya.
4. **Dia seorang yang menghormati orang tua**
Ripin sangat menghormati Tok Wali dan bersopan ketika bercakap dengan Tok Wali.
5. **Dia seorang yang taat suruhan gurunya.**
Apabila disuruh oleh Tok Wali mengumpulkan anak-anakmuridnya kerana ada pemberita datang, Ripin patuh akan kehendak Tok Wali
6. **Dia seorang pendendam**
Ripin mahu menuntut bela atas kematian Tok Wali.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

3. Mak Umi

1. Dia ialah isteri Tok Wali.
2. Berusia dalam lingkungan 50-an.
3. Dia mahir ilmu persilatan semasa muda.
4. **Dia seorang yang bijak**

Mak Umi bijak membalas percakapan Siak dan Imam yang mahu menasihati Tok Wali.

5. **Dia seorang yang penyabar**

Mak Umi sabar melayan kerenah Tok Wali yang membidas kata-katanya.

6. **Seorang yang prihatin**

Mak Umi mengambil berat tentang Piee yang menjadi penagih dadah.

Latar

Latar masa

1. **Pada waktu pagi**

Ketika Ripin datang ke rumah Tok Wali.

2. **Pada waktu petang**

Ketika Tok Wali bersiap sedia hendak pergi ke majlis kenduri di rumah Haji Kodri.

3. **Pada waktu malam**

Ketika Tok Wali bermain biola dan berbual-bual dengan Mak Umi.

Latar tempat

1. **Di rumah Tok Wali**

2 orang pemberita datang menemu ramah Tok Wali di rumahnya.

2. **Di gelanggang silat**

Tok Wali bertarung dengan Siak di gelanggang silat.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Latar masyarakat

- 1. Masyarakat yang mempertahankan warisan bangsa.**
Tok Wali mengajarkan ilmu silat supaya dapat diwarisi oleh anak-anak muda kampungnya.
- 2. Masyarakat yang beradab.**
Tok Wali memenuhi jemputan Haji Kodri supaya membuat pertunjukan silat di majlis kenduri di rumahnya.
- 3. Masyarakat yang saling menghormati**
Ripin menghormati Tok Wali kerana memiliki ilmu persilatan dan melayan percakapan Tok Wali dengan sopan.
- 4. Masyarakat yang hipokrit**
Siak menggunakan alasan agama untuk mengurangkan pengaruh Tok Wali di kampung itu.
- 5. Masyarakat yang tidak berakhlak.**
Piee menjadi penagih dadah dan sukar dipulihkan lagi.
- 6. Masyarakat yang taat perintah agama.**
Tok Wali tidak pernah meninggalkan solat berjemaah di masjid.

Gaya bahasa

- 1. Penggunaan bahasa Arab**
Assalamualaikum Insya-Allah , Astagfirullahal'azim
- 2. Bahasa Inggeris**
Sorry!-ah..
- 3. Bahasa Indonesia**
Bisa copot jantungku



NOTA RUJUKAN KOMSAS

4. Sinkope

Yang itu **tak** pulak disebut!.

Kerana **dah** tualah **tak** jadi manis **tu**!

5. Simile

Kawannya **macam** lalat

ibarat burung dalam sangkar yang terbuka pintunya.

macam rimau tak ada gigi

6. Simpulan bahasa

kambing hitam

7. kata ganda

bertalu-talu, gegak-gempita

Nilai

1. Nilai ketegasan

Tok Wali tegas dengan pendiriannya mahu bersilat di majlis perkahwinan anak Haji Kodri kerana baginya perbuatannya itu tidak salah.

2. Nilai keberanian

Tok Wali berani bertarung dengan Siak apabila Siak datang menyerangnya.

3. Nilai taat akan perintah agama

Tok Wali tidak pernah meninggalkan solat berjemaah di masjid dan rajin menunaikan solat sunat.

4. Nilai hormat-menghormati

Ripin menghormati Tok Wali yang tinggi ilmu persilatan dan merupakan guru silatnya.

5. Nilai bertanggungjawab

Tok Wali berasa dirinya bertanggungjawab meneruskan usaha mengajarkan ilmu silat kepada anak-anak muda kampung tersebut.

6. Nilai tolong-menolong

Ripin membantu Mak Umi yang memanggilnya supaya menamatkan pergaduhan antara Tok Wali dan Siak.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

7. Nilai keprihatinan

Tok Wali sering melakukan kerja kemasyarakatan tanpa mengharapkan upah seperti menggali kubur dan memandikan jenazah.

Pengajaran:

1. Kita hendaklah mempertahankan warisan bangsa agar generasi akan datang berpeluang mendapat manfaatnya.
2. Kita hendaklah menghormati guru dan orang yang lebih tua daripada kita kerana mereka banyak berjasa kepada kita.
3. Kita hendaklah sentiasa menghulurkan bantuan kepada orang lain tanpa mengharapkan balasan agar masyarakat hidup harmoni.
4. Janganlah kita bersikap hipokrit dalam hidup kerana sikap itu memberi kesan yang negatif.
5. Setiap masalah yang dihadapi haruslah diselesaikan secara rundingan supaya tidak berlaku kecederaan atau pertumpahan darah.
6. Kita mestilah bersabar atas ujian yang menimpa kita supaya kehidupan lebih sejahtera.
7. Kita hendaklah bijak menangani masalah yang timbul agar tidak menimbulkan kesusahan kepada diri sendiri kelak.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Latihan

1. Jelaskan tiga persoalan yang terdapat dalam drama Tok Wali.
2. Sebutkan empat peranan Tok Wali dalam kalangan masyarakat kampungnya.

Jawapan :

1. Persoalan dalam drama Tok Wali ialah persoalan budaya warisan bangsa yang diremehkan, contohnya ada sesetengah penduduk kampung yang mencemuh Tok Wali kerana bersilat dalam majlis perkahwinan. Terdapat juga persoalan masalah penagihan dadah yang sukar dirawat, contohnya Piee yang baru keluar dari pusat pemulihan kembali menagih kerana tidak dipantau oleh ibu bapanya. Persoalan ketiga ialah persoalan perasaan dengki dan khianat, contohnya ada pihak yang dengki kepada Tok Wali lalu menghalau Piee dari majlis perkahwinan di rumah Haji Kodri.
2. Peranan Tok Wali dalam kalangan masyarakat kampungnya ialah sebagai tukang urut jika ada yang patah atau terseliuh, melakukan tugas meminang, menjadi tok mudim dan sebagai penggali kubur.